

BIL. 4/2020

TARIKH: 17 JUN 2020 (RABU)

MASA: 9.00 PAGI

PLATFORM DIGITAL ZOOM:

Meeting ID: 876 8759 8444 | Password: 915363

II. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

7. Latihan Industri

Mesyuarat:

- i. mengambil maklum:
 - a. tarikh-tarikh penting pelaksanaan Latihan Industri seperti yang dibentangkan oleh Ketua Jaringan Industri dan Komuniti semasa mesyuarat;
 - b. kebanyakan pelajar FSSK masih belum mendapat tempat untuk menjalani Latihan Industri;
 - c. Mesyuarat JPPA ke-251 bertarikh 10 Jun 2020 bersetuju pelajar dibenarkan menjalani Latihan Industri secara bersemuka (*face to face*);
- ii. bersetuju:
 - a. pelaksanaan 4 kaedah Latihan Industri FSSK seperti berikut:
 1. Latihan Industri secara sangkutan maya (*online attachment*);
 2. sangkutan dengan pakar bidang luar UKM;
 3. sangkutan dengan Penyelia/Pensyarah Program (kajian kes berkaitan industri yang berkaitan dengan bidang); dan
 4. Latihan Industri secara bersemuka (*face to face*).
 - b. pelajar yang menjalani Latihan Industri secara bersemuka dan dikehendaki membuat ujian saringan Covid-19 oleh pihak industri, perlu menanggung sendiri kos ujian tersebut;
 - c. pelajar perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak industri sepanjang tempoh Latihan Industri.

**Tindakan: Sekretariat (J&P)
: Ketua Program**